

# Dr M syor kekalkan pemimpin bahagian

BK 2 MAR 1985

JITRA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya pemimpin-pemimpin Umno bahagian yang dipilih tahun lalu dikekalkan dalam pemilihan jawatankuasa bahagian yang diadakan tahun ini.

Beliau berpendapat, mereka patut dikekalkan kerana belum sempat memegang jawatan masing-masing mengikut jangka waktu yang ditetapkan oleh perlembagaan.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, bagi bahagian-bahagian Umno yang baru diwujudkan berikutan penyusunan semula kawasan pilihanraya, pertandingan patut diadakan.

"Seberapa yang boleh, mereka yang tidak terbit dengan pemecahan bahagian patut mengekalkan pemimpin lama," kata beliau kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno bahagian Kubang Pasu di bangunan Umno di sini malam tadi.

Beliau yang juga ketua Umno bahagian itu menemui wakil-wakil pergerakan Pemuda dan wanita Umno bahagian yang menerangkan keadaan politik semasa.

Oleh NAZAR ABDUL

Datuk Seri Dr Mahathir menolak anggapan setengah-setengah pihak bahawa pemilihan ahli jawatankuasa bahagian kali ini amat penting kerana siapa yang menjadi ketua atau memegang jawatan penting dalam bahagian mempunyai peluang yang cerah untuk menjadi calon bagi pilihanraya umum akan datang.

"Pemilihan calon untuk pilihanraya tidak bergantung kepada sama ada seseorang itu menjadi ketua atau tidak dalam sesuatu bahagian," tegasnya.

## Kekecohan

Perdana Menteri juga mengulangi nasihatnya supaya ahli-ahli Umno tidak menggunakan wang untuk mendapatkan kedudukan dalam parti bagi pemilihan ahli jawatankuasa nanti.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli Umno dan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya selalu bersedia untuk menghadapi pilihanraya.

"Kita mesti bersedia sepanjang masa sebagai persiapan menghadapi pilihanraya bila-bila masa," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegaskan pentingnya semua pihak patuh dan menerima kepimpinan Menteri Besar baru, Datuk Paduka Haji Osman Aroff dan mem-

beri sokongan penuh kepada beliau.

Mengenai kekecohan antara petani dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), Datuk Seri Dr Mahathir, menegaskan kerajaan memang memandang berat masalah itu dan akan berusaha mengatasinya.

Katanya, Menteri Besar telah ditugaskan untuk menyelesaikan masalah itu yang timbul berikutan tindakan pegawai-pegawai LPN mengenakan potongan yang tinggi ke atas padi-

padi para petani pada cuti Tahun Baru Cina baru-baru ini.

"Saya telah diberi penjelasan mengenai perkara ini dan tindakan akan diambil oleh Datuk Paduka Haji Osman untuk mengatasinya," tambahnya.

Mengenai kedudukan kilang tayar IT International yang dibangkitkan oleh Pemuda Umno Malaysia baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, perkara itu akan dipertimbangkan oleh pihak-pihak berkenaan.

Katanya, pandangan Pemuda Umno mengenai perkara itu akan diambil kira dan kepentingan Bu-

miputera dalam syarikat itu akan juga dipertimbangkan.

Menurutnya, rancangan usahasama antara IT International dan Syarikat Yokohama dari Jepun di bidang industri membuat tayar akan bergantung kepada hasil rundingan mereka.

Beliau memberi jaminan, kedudukan ekuiti Bumiputera dalam industri itu akan diambil kira bagi menghilangkan keraguan Pemuda Umno dan kalangan Bumiputera terhadap kemungkinan berkurangnya ekuiti Bumiputera dalam syarikat itu kerana pengambilalihan pihak-pihak tertentu.